

# Krisis lantikan Datuk Kelana diduga selesai Jun depan<sup>13/3/87</sup>

SEREMBAN, Khamis — Krisis perantikan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10, yang berlarutan lebih tiga tahun, dijangka dapat diselesaikan dalam mesyuarat Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan, Jun depan.

Satu sumber tertinggi adal berkata hari ini, mesyuarat dewan Februari lalu mengarahkan Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang Negeri, Haji Abdul Hamid Lassim, menyalahkan satu laporan lengkap mengenai krisis berkenaan.

Laporan itu, difahamkan, hendaklah juga mengambil kira segala perkembangan terbaru, termasuk pendirian anak-anak Waris di Darat dari Perut Ulu dan Hilir serta anak-anak Waris di Air mengenai isu berkenaan.

Mesyuarat dewan pada Februari lalu gagal merumuskan jalan penyelesaian terhadap krisis yang berlarutan itu. Dewan juga gagal membuat keputusan muktamad mengenai kedudukan Raja Abdul Rahim Raja Abdul Razak sebagai penyanggah pesaka Datuk Kelana ke-10.

"Salah satu sebab dewan gagal

Oleh  
**BUSTAMAM AHMAD**

membuat sebarang keputusan berhubung urusan perantikan Datuk Kelana ke-10 dalam mesyuaratnya pada Februari lalu ialah ketiadaan laporan terperinci mengenai perkara itu.

"Laporan yang dibentangkan oleh Menteri Besar, Datuk Mohd Isa Haji Abdul Samad, dikatakan tidak menyentuh secara terperinci hasil perbincangannya dengan Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin dan dua lagi ahli Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong," jelas sumber itu kepada *Berita Harian* di sini.

Selain daripada Datuk Andika Mendelika Fadzil, Menteri Besar juga berbincang dengan Datuk Seri Maharaja Diraja Azman Jamius dan Datuk Penghulu Dagang Parol Mohd Nor Abdullah.

Di dalam perbincangan itu, ketiga-tiga ahli Lembaga Tiang Balai berkenaan dipercayai menyatakan pendirian serta pendapat masing-masing mengenai segala langkah yang

perlu diambil ke arah menamatkan krisis yang bermula pada tahun 1983 itu.

Sumber itu menjelaskan, Datuk Andika Mendelika Fadzil dipercayai memberitahu Menteri Besar bahawa beliau tetap berpegang teguh kepada keputusannya untuk melantik Raja Abdul Rahim sebagai penyanggah pesaka Datuk Kelana ke-10.

Raja Abdul Rahim, dari Perut Ulu diisytiharkan sebagai penyanggah pesaka Datuk Kelana ke-10 dalam satu istiadat yang ditaja oleh Datuk Andika Mendelika Fadzil pada 8 Mac tahun lalu di Telaga Undang, Pantai dekat sini.

Dewan Keadilan dan Undang Negeri setakat ini masih belum membuat sebarang kenyataan rasmi mengenai isu perantikan Datuk Kelana ke-10, khususnya kedudukan Raja Abdul Rahim sebagai penyanggah pesaka itu.

Satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Setiausahanya, Haji Abdul Hamid sebelum ini hanya menjelaskan bahawa jawatan Datuk Kelana ke-10 masih kosong, tanpa menyatakan pendirian dewan mengenai kedudukan Raja Abdul Rahim.